

27 OKTOBER 2017

Dua pelajar ditahan edar dadah

SINAR HARIAN • JUMAAT 27 OKTOBER 2017

HUBUNGI SKUAD AMPANG / HULU LANGAT: ISMADI ISMAIL - 019 3371003.

AMPANG . HULU LANGAT

39

Dua pelajar ditahan edar dadah

Polis turut temui dua bungkusan aluminium dipercayai kanabis di sebuah rumah di Taman Bangi

KAJANG – Polis memberkas dua penuntut sebuah kolej universiti tempatan yang dipercayai terlibat dengan pengedaran dadah di sekitar Kajang, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Kajang, Asisten Komisioner Ahmad Dzaffir Mohd Yusoff berkata, kedua-dua lelaki berusia 19 dan 20 tahun itu ditahan ketika serbuan sepasukan pegawai dan anggota polis dari Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Ibu Pejabat Daerah Kajang di sebuah rumah di Taman Bangi Evenue, di sini.

"Hasil pemeriksaan di rumah tersebut polis telah me-

nemui dua bungkusan aluminium di dalamnya berisi ketulan mampat dedaun kering dipercayai kanabis anggaran berat 23.0 gram di atas lantai sebuah bilik dalam rumah itu," katanya.

Menurutnya, hasil siasatan awal mendapati, bekalan dadah itu diperoleh daripada seorang pengedar lain yang dipercayai aktif menjalankan kegiatan itu di Kajang.

"Justeru kita sedang berusaha mengesan pengedar dadah tersebut, nilai dadah yang dirampas itu dianggarkan kira-kira RM250," katanya.

Ahmad Dzaffir berkata, ke-

INFO • Bekalan dadah diperoleh daripada seorang pengedar lain dipercayai aktif jalankan kegiatan itu di Kajang

dua penuntut berkenaan merupakan pelajar jurusan diploma ekonomi dan diploma pentadbiran.

"Kedua-dua mereka adalah pelajar tahun akhir di kolej universiti itu.

"Mereka juga dipercayai telah terlibat dengan kegiatan



AHMAD DZAFFIR

berkaitan dadah sejak lebih setahun lalu," katanya.

Kedua-dua remaja itu ditahan reman selama empat hari sehingga Ahad ini bagi



Polis turut menemui dua bungkusan aluminium dipercayai kanabis.

membantu siasatan.

Kes disiasat di bawah Seksyen 39A (1) Akta Dadah Berbahaya 1952.

Jika disabitkan kesalah-

an boleh dikenakan hukuman penjara selama dua tahun hingga lima tahun dan juga dikenakan hukuman tiga hingga sembilan sebatan.